

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 80 ● 9 - 15 OKTOBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

www.wilayahku.com.my

DBKL, Perbadanan Putrajaya dapat 'bos' baharu

BULAN Oktober menjadi detik bersejarah kepada dua buah agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) menerima kepimpinan baharu.

Bekas Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL, Datuk Mahadi Che Ngah dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-13

menggantikan Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan yang tamat kontrak perkhidmatan pada 1 Oktober.

Sebagai 'orang dalam' yang telah 35 tahun berkhidmat, Mahadi pastinya tahu selok belok pembangunan di Kuala Lumpur dan semestinya perancangan pembangunannya akan menjadi lebih lancar.

PPj pula menerima bekas Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi KWP, Datuk

Muhammad Azmi Mohd Zain sebagai Presiden ke-6 menggantikan Datuk Dr. Aminuddin Hasim yang tamat kontrak perkhidmatannya.

Pelantikan Azmi disifatkan tepat kerana beliau sememangnya mengetahui dengan jelas hala tuju KWP dalam membangunkan Putrajaya selaras dengan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.

Kedua-dua agensi itu kini mempunyai kepimpinan yang dinamik serta memahami keperluan mereka sebagai sebuah kerajaan tempatan yang menjadi nadi dalam pembangunan kawasan masing-masing seterusnya melakar kejayaan pada masa hadapan.

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 3

COVID-19 di penjara

SATU kes kematian akibat COVID-19 di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah yang pada mulanya disangka kes terpencil akhirnya mendedahkan bagaimana virus pembunuh ini sebenarnya telah merebak dengan pantas di sekurang-kurangnya enam buah penjara seluruh Malaysia.

Ia bukan hanya melibatkan banduan tetapi juga kakitangan penjara yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kes COVID-19 di Malaysia sejak awal bulan ini.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

PEGAUAI dan anggota Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang menjalankan kerja-kerja sanitasi nyahkuman di Penjara Reman Pulau Pinang yang terletak di Jalan Penjara, Georgetown, baru-baru ini. - Gambar Benarnews.org

Naik taraf insfrastruktur Kampung Baru

KWP mohon peruntukan RM400 juta

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) memohon peruntukan berjumlah RM400 juta daripada Kementerian Kewangan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi menaik taraf insfrastruktur asas Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Kerja menaik taraf insfrastruktur di kawasan berkenaan antaranya memperbaiki dan melaburkan jalan mengikut konsep grid.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, kementerian akan memastikan pembangunan jalan raya dan insfrastruktur di kawasan itu hanya melibatkan pengambilalihan tan-

ah yang minimum serta mendapat persetujuan daripada pemilik tanah.

"Ada jalan tertentu perlu ditutup dan jalan baharu terpaksa dibuat supaya jalan yang tidak begitu teratur keadaannya dapat disusun semula," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya baru-baru ini.

Annuar sebelum ini dilaporkan berkata, pembangunan semula Kampung Baru akan dibahagikan kepada *presint* atau *parcel* membabitkan pecahan bagi setiap satu hektar, sekali gus membolehkan pelaksanaannya dibahagikan kepada grid tertentu atau blok lebih kecil.

Katanya, cadangan kerajaan terdahulu



JALAN-JALAN di Kampung Baru akan dibaiki dan dilebarkan mengikut konsep grid.

membabitkan pengambilan tanah daripada lebih 5,300 pemilik pada harga RM1,000 satu kaki persegi iaitu RM850 tunai dan RM150 saham Syarikat

Tujuan Khas (SPV), tidak dapat diteruskan kerana kekangan kewangan, selain hanya 61 peratus penduduk sahaja bersetuju dengan tawaran itu.

Sementara itu, Annuar berkata, KWP bersedia mendengar cadangan jalan lain untuk dinamakan semula sebagai Jalan Palestin selepas pemilihan Jalan Raja Laut 1 mendapat bantahan pelbagai pihak.

Beliau berkata, berhubung isu penamaan semula jalan, pihaknya tidak menggalakkan nama yang mempunyai kaitan dengan sejarah dan negara bangsa sebaliknya nama jalan yang tidak relevan atau dalam bahasa Inggeris atau tidak mempunyai impak harus dipilih untuk dinamakan semula.

Mengenai isu pertukaran nama Jalan Raja Laut 1 kepada

Jalan Palestin, beliau meminta perkara itu diteliti semula supaya memilih jalan lain tanpa mengubah nama Jalan Raja Laut 1 itu.

Beliau menjelaskan, cadangan menamakan satu jalan di ibu negara sebagai Jalan Palestin dibuat pada tahun 2019 oleh Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu susulan satu seminar mengenai Al-Quds, yang kemudian disyorkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan KWP. WK

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Laluan berbasikal lebih strategik di KL

BERBEZA dengan beberapa negara luar yang mana berbasikal menjadi salah satu daripada pengangkutan bandar, tetapi di ibu kota, Kuala Lumpur aktiviti berbasikal lebih kepada beriadah.

Berikutan itu, Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa berkata penggunaan lorong biru bagi aktiviti berbasikal di Kuala Lumpur perlu dikaji semula menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa.

Menurut beliau, pihaknya turut mencadangkan agar laluan baru yang lebih strategik di Kuala Lumpur perlu diadakan menghubungkan laluan yang lebih selamat.

"Saya telah arahkan kepada perancang bandar agar melihat kepada laluan yang lebih praktikal dan dibuat bagi jangka panjang supaya Kuala Lumpur mempunyai laluan yang tidak mengganggu lalu lintas dan menghubungkan kawasan rekreasi," katanya.

Bagaimanapun katanya, perkara itu memerlukan perbincangan bersama pihak komuniti berbasikal



LALUAN biru basikal lebih strategik di Kuala Lumpur.

berhubung keperluan untuk mewujudkan laluan itu.

Beliau dalam masa sama turut mengulas mengenai budaya berbasikal di Malaysia yang dilihat tidak sama jika dibandingkan dengan negara luar.

"Kita bimbang kalau buat laluan baru nanti ia tidak diguna seperti lorong sedia ada (lorong biru), apa yang terjadi pada lorong biru, bila tidak dipakai orang lain yang pakai letak kenderaan dan sebagainya. "Seperti di Kuala Lum-

pur, berbasikal itu bukan sebahagian daripada pilihan pengangkutan namun lebih kepada aktiviti sukan dan cuaca kita tidak sama dengan negara luar," katanya lagi.

Media baru-baru ini telah menyiarkan laporan berita berhubung isu lorong biru yang kini seolah-olah tidak dimanfaatkan susulan aspek keselamatan termasuk menjadi kawasan orang ramai meletakkan kenderaan. WK

Monorel Putrajaya: RFP dibuka tiga bulan lagi

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan akan membuka 'permohonan cadangan' bagi projek pembangunan monorel Putrajaya selewat-lambatnya tiga bulan lagi.

Menterinya Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, terdapat beberapa syarikat swasta yang telah menyampaikan hasrat untuk membangunkan projek itu dan ada juga yang telah membuat pembentangan kepada Ketua Setiausaha KWP Datuk Rosida Jaafar.

Menurutnya, kos sebenar projek belum ditentukan kerana antara faktor penentuan kos melibatkan konsep pembangunan monorel dan teknologi lokomotif.

"Ada yang mencadangkan konsep tram. Ada yang cadang guna sistem yang tidak menghasilkan bunyi yang kuat iaitu monorel yang menggunakan tayar getah supaya tidak mengeluarkan bunyi bising.

"Ada pelbagai dan itu akan menentukan kos. Kita buatnya fleksibel, kita biarkan pihak swasta untuk berikan cadangan mereka sendiri. Kita akan buat penilaian kita sebaik-



STESEN monorel Putrajaya yang sudah siap tapi tidak digunakan.

nya," katanya.

Pada April lepas, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengesahkan projek monorel Putrajaya akan disambung semula, selepas tertangguh sejak 2004.

Menurut laporan media, mengikut perancangan asal, monorel berkenaan dicadangkan mempunyai dua aliran, satu sepanjang 12 kilometer (km) dengan 17 stesen dan satu lagi sepanjang enam km dengan enam stesen.

Annuar berkata jajaran projek monorel itu telah ditetapkan berdasarkan insfrastruktur asas seperti terowong dan jambatan yang telah dibina sebelum projek itu ditangguhkan, pada pertengahan 2004. - BERNAMA

Mahadi mahu selesaikan tiga perkara penting

DATUK Bandar Kuala Lumpur yang baharu, **Datuk TPr Mahadi Che Ngah** berikrar untuk menyelesaikan tiga perkara utama yang sering membelenggu warga kota dalam tempoh perkhidmatannya.

Masalah banjir kilat, kesesakan lalu lintas dan urustadbir ibu kota menjadi fokus beliau bagi memberikan perkhidmatan kepada warga kota.

“Sebagai Datuk Bandar, saya sedia maklum mengenai permasalahan yang berkaitan dengan bandaraya ini dan perkara tersebut sering bangkitkan dalam kalangan warga kota kepada pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).”

“Tiga perkara tersebut juga selaras dengan as-



ANNUAR menyampaikan watakah pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-13 kepada Mahadi yang baru dilantik pada Majlis Serah Tugas baru-baru ini.

pirasi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang terbaik,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis

Serah Tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama menyaksikan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara dan

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Rosida Jaafar.

Sebagai ‘orang dalam’ dan pernah berkhidmat selama 35 tahun dengan DBKL, pelantikannya sebagai Datuk Bandar ke-13 yang menggantikan Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dilihat sebagai satu penghormatan kepada DBKL di atas pengalamannya sebelum ini sebagai bekas Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL.

Ia dilihat mampu memenuhi aspirasi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu melihat bandaraya ini ditadbir dengan baik dan menjadi kebajikan warga kota yang ketika ini berhadapan dengan masalah pandemik COVID-19.

Agenda perumahan, pembangunan anak muda fokus utama Azmi

PEMBINAAN rumah mampu milik dan pembangunan anak muda menjadi fokus Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) yang baharu, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zin** untuk tempoh perkhidmatannya.

Beliau berkata, perumahan mampu milik akan dilakukan bagi menyahut aspirasi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu membina lebih banyak perumahan berharga bawah RM200 ribu ringgit di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Kita telah sedia maklum bahawa penekanan telah diberikan untuk memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik yang berharga di bawah RM200 ribu.

“Kita akan memper-



ANNUAR (kanan) menyerahkan watakah pelantikan Presiden PPj ke-6 baru-baru ini.

banyakkan pembinaan perumahan tersebut termasuk di Putrajaya Sentral berhampiran Presint 7,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Taklimat Presiden PPj pada Selasa.

Kata Muhammad Azmi, untuk perancangan jangka panjang dalam pembangunan anak muda, pihaknya

akan melibatkan golongan itu melalui Program Urban Farming.

“Sebelum ini program tersebut hanya memberi peluang kepada komuniti untuk terlibat dalam aktiviti pertanian, dan untuk perancangan masa depan, kita akan memberikan fokus kepada program tersebut

dan akan dilaksanakan secara komersial.

“Ia termasuk sayuran dan pokok-pokok landskap dan salah satu fokus kita adalah untuk menjadikan Putrajaya sebagai pembekal anak-anak pokok landskap seperti di Sungai Buloh,” katanya.

Sehubungan itu, Muhammad Azmi berkata beliau akan memberikan penekanan dalam penyampaian perkhidmatan iaitu memberikan fokus kepada bagaimana untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

“Kita akan mencari jalan dan kaedah terbaik untuk melaksanakan semua perkara bagi mencapai matlamat dan juga dapat memberi manfaat yang segera kepada penduduk dan pengunjung di Putrajaya,” katanya.

CERITA KEDAI KOPI

Selamat bertugas Mahadi Ngah

TAHNIAH, selamat datang dan selamat bertugas kepada **Datuk Mahadi Che Ngah** yang dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu menggantikan Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan. Pelantikan beliau selaku Datuk Bandar ke-13 untuk tempoh dua tahun.

Pelantikan ini ibarat ‘sirih pulang ke gagang’ bagi Mahadi kerana sebelum bersara beliau merupakan pegawai tinggi di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku Pengarah Eksekutif (Perancangan). Beliau berkhidmat selama 36 tahun di DBKL.

Sebagai ‘orang dalam’ Mahadi membawa bersamanya pengalaman mendalam berkaitan bandar raya serta segala dasar dan perancangan Kuala Lumpur. Justeru pastinya beliau lebih memahami selok belok pengurusan operasi DBKL.

Dengan perkhidmatan yang lama, beliau juga tentunya mengenali ramai kakitangan. Faktor ini semua akan membantu memudahkan tugasnya dalam menghadapi cabaran mentadbir ibu kota.

Pengalaman beliau selaku pegawai tinggi di DBKL akan menjadi panduan sangat berguna dalam merancang dan membangunkan Kuala Lumpur serta meningkatkan kesejahteraan warga kota.

Sejajar dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara dengan pelbagai isu sosio-ekonomi yang sentiasa datang dan pergi, cabaran yang terletak di bahu Mahadi adalah berat.

Diharapkan kehadiran beliau akan membawa arah tuju baharu dalam perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur serta melaksanakan program-program yang menjurus ke arah kesejahteraan bandar raya dan warga kota.

Kepada Nor Hisham, diucapkan terima kasih atas jasa khidmat selama menyandang jawatan. Segala sumbangan bakti yang dicurahkan akan terpahat dalam ingatan warga kerja DBKL dan warga kota. Selamat maju jaya kepada beliau.

Pilihan Raya lagi di Sabah

BAHARU sahaja Sabah selesai mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 26 September lalu, satu pilihan raya kecil (PRK) bakal diadakan di negeri itu tidak lama lagi.

Ini berikutan kematian penyandang kerusi parlimen Batu Sapi, **Datuk Liew Vui Keong, 60**, pada 2 Oktober lalu ketika menerima rawatan di Hospital Gleanegles, Kota Kinabalu.

Mendiang yang juga dikenali sebagai VK Liew, mula dirawat sebelum penamaan calon PRN Sabah pada 12 September kerana ‘slip disc’. Namun difahamkan mendiang kemudian mendapat jangkitan kuman pada paru-paru.

Mendiang yang menyandang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen) ketika pemerintahan Pakatan Harapan (PH) merupakan Pengerusi Tetap Warisan serta pengarah jentera parti Warisan bagi PRN Sabah.

Kekosongan kerusi Batu Sapi perlu diisi dalam tempoh 60 hari setelah tarikh perisytiharan rasmi kekosongan kerusi berkenaan, membuka laluan kepada PRK.

Tarikh penamaan calon dan membuang undi akan diputuskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR). Bahana COVID-19 yang kembali melanda sekarang, khususnya di Sabah, mungkin menjadi antara faktor penting diambil kira oleh SPR dalam menentukan tarikh.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 tahun 2018, VK Liew memenangi kerusi Batu Sapi dengan 12,976 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Tsen Thau Lin yang memperoleh 8,357 undi. Majoriti ialah 4,619 undi.

Parlimen Batu Sapi mempunyai dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Sekong dan Karamunting.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izan Ahmad Nazri

WARTAWAN KANAN

Aini Roshidah Ahmad Mawawi
Azlan Zambray

WARTAWAN

Khairul Idin
Wong Siew Mun
Deel Anjer
Syahidi Bakar

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
Mohd Affandy Annuar

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
Mohd Aminullah Fariq Hasan
Azly Fariq Ramly

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
V Kumar Veeran

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatimah Mohd Amir
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
Nurul Hazwani Haslan

PELATIH INDUSTRI

Alya Danisha Nazim